

1084- UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP WANITA BEKERJAYA: SATU KAJIAN SOROTAN LITERATUR

DAYANG PUTERI NAZIRAH BINTI IZHAR

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
dayangnazirah.nnco@gmail.com

AZIZAH MAT RASHID

Faculty of Syariah and Law
Universiti Islam Selangor (UIS)
azizahrashid@kuis.edu.my

NORUL HUDA BAKAR

Faculty of Syariah and Law
Universiti Islam Selangor (UIS)
norulhuda@kuis.edu.my

ABSTRAK

Gangguan seksual merujuk kepada perlakuan yang tidak disenangi melalui fizikal, isyarat, sentuhan, visual dan sebagainya yang berunsur seks. Misalnya kata-kata lucah, meraba dan sebagainya. Kebiasaannya gangguan seksual ini dilakukan secara berulang-ulang ke atas mangsa yang sama atau kepada mangsa kali pertama terutamanya oleh orang lelaki terhadap wanita. Statistik kes gangguan seksual di Malaysia setiap tahun semakin meningkat. Kadar kes pada tahun 2020 telah meningkat pada tahun 2021 dari 378 kes kepada 506 kes. Golongan wanita adalah golongan yang sangat tinggi statistiknya menjadi mangsa serangan seksual berbanding lelaki kerana wanita dilihat secara fizikalnya lemah dan tidak berdaya. Jenayah gangguan seksual ini bukanlah isu kecil yang boleh dipandang remeh kerana mangsa perlu menanggung kesulitan yang berat akibat trauma dan tekanan. Pekerja yang berhadapan dengan gangguan seksual ini berkecenderungan untuk merasa terganggu dari sudut emosi dan mental mereka dan akhirnya akan menjejaskan produktiviti, kualiti dan motivasi mereka di tempat kerja. Hal ini sekaligus akan membantutkan hasrat kerajaan untuk mencapai 60% penyertaan tenaga kerja wanita dalam pasaran tenaga buruh di Malaysia. Melihat kepada fakta dan permasalahan ini, jelas wanita bekerjaya berhadapan dengan cabaran yang sangat besar di tempat kerja sedangkan kebanyakan wanita pada hari ini turut berperanan dalam menggalas tugas bagi menjana pendapatan isi rumah. Ini semestinya akan mengganggu prestasi dan gerak kerja mereka di tempat kerja. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis sejauh mana kajian telah dilakukan berkaitan pencegahan gangguan seksual di Malaysia. Pengumpulan data dilakukan secara dokumentasi dengan menganalisis data-data yang diperolehi daripada dapatan kajian-kajian terdahulu, jurnal dan dokumen-dokumen perundangan berkaitan. Kajian mendapati bahawa terdapat banyak kajian dilakukan berkenaan dengan gangguan seksual di Malaysia yang merangkumi perbincangan berkenaan dengan implikasi, kesan dan bentuk-bentuk gangguan seksual. Walaubagaimanapun kajian berkaitan dengan pencegahan gangguan seksual masih perlu dikembangkan dan diperhalusi.

Kata Kunci: *Gangguan seksual, Mangsa, Tempat kerja, Wanita.*

PENGENALAN

Peranan wanita pada hari ini sudah tidak sama dengan zaman yang terdahulu. Kini wanita tidak mahu tidak, terpaksa melibatkan diri dalam dunia kerjaya untuk menampung samada kehidupannya sendiri atau ahli keluarganya seperti anak-anak serta ibu bapa mereka. Wanita kini berdepan dengan tekanan yang amat besar kerana perlu mengimbangi dwi peranan mengurus rumah tangga dan perlu mengetuai isi rumah dalam satu masa yang sama.

Siti Nur Husna (2017) di dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat 11 peranan wanita di dalam institusi kekeluargaan iaitu peranan wanita sebagai makhluk Allah (hamba-Nya), sebagai seorang isteri, seorang ibu, seorang anak, seorang yang menyampaikan dakwah, peranan wanita ketika peperangan dan jihad, kepada masyarakat dan bangsa, dalam politik, dalam pendidikan, ekonomi dan sebagai ketua isi rumah. Tanggungjawab ini bukan sahaja dimainkan oleh wanita-wanita yang bergelar isteri malah juga menjadi tanggungjawab kepada wanita-wanita yang masih bujang.

Antara golongan wanita yang paling terkesan adalah ibu tunggal. Menurut Hajah Siti Fatimah (2000) ibu tunggal adalah wanita yang berseorangan tanpa suami dan bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan menjalankan dwifungsi iaitu sebagai penyara dan pengurus keluarga. Ia meliputi mereka yang mendapat anak tanpa pernikahan yang sah dan mendidiknya bersendirian, isteri yang telah berpisah dengan suami dan menjaga anak-anak setelah ditinggalkan dan isteri yang bercerai hidup atau mati dan tinggal dengan anak-anaknya bersendirian.

Ditambah kini dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan kadar inflasi yang semakin tinggi saban tahun turut menjerat para wanita di Malaysia. Kos sara hidup anak yang tinggi ditambah dengan keperluan asas yang lain menjadi faktor mendesak wanita untuk keluar bekerja mencari rezeki. Justeru bagi meringankan lagi beban wanita ini kita perlu mewujudkan sebuah sistem sokongan yang baik khususnya di tempat kerja. Hal ini bagi membantu untuk kurangkan tekanan wanita dari sudut mental, fizikal dan emosi mereka dek kerana mereka perlu mengimbangi tanggung jawab tersebut dalam satu masa yang sama.

Jumlah tenaga kerja wanita di Malaysia adalah antara yang terendah di ASEAN iaitu pada 55.6 peratus dan masih jauh berbanding sasaran 60 peratus yang ditetapkan kerajaan menjelang 2025. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri menyatakan bahawa isu keselamatan wanita wajib diberikan keutamaan bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif. Menurut Nor Asmah (2020), terdapat lima cabaran wanita mendepani era dwi-kerjaya. Antaranya termasuklah kelemahan sistem sokongan dari majikan dan rakan sekerja. Majikan perlu memastikan keselesaan dan keselamatan persekitaran pekerjaannya adalah keutamaan.

Menurut Astro Awani 3 November 2023, ahli akademik Prof Madya Tan Sri Shamsul Bahari Shamsudin menyatakan persekitaran yang negatif mendatangkan penyakit fizikal dan mental, termasuk masalah tingkah laku yang menyebabkan mutu kerja menurun. Majikan perlu menyediakan langkah yang berkesan bagi menanganinya untuk tenaga kerja yang berkualiti. Isu gangguan seksual adalah termasuk perkara yang boleh mengakibatkan penderaan emosi dan punca tekanan kepada pekerja.

Women's Aid Organization (2020) melalui kajiannya mendapati 62% daripada 1,010 responden telah mengalami gangguan seksual di tempat kerja. Kemudian laporan akhbar Sinar Harian, 15 Oktober 2023, menyatakan bahawa telah berlaku peningkatan kes gangguan seksual iaitu 354 kes pada tahun 2020 ke 446 kes pada tahun 2021. Bagi tahun 2023, sebanyak 416 kes telah dilapor setakat Oktober 2023 ini namun Menteri KPWKM menjangkakan bahawa kes ini akan terus meningkat dan yakin bahawa kes sebenar adalah melebihi daripada laporan rasmi yang diterima.

Selaras dengan Dasar Wanita Negara dan juga Pelan Tindakan Kementerian dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri dengan melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, bantuan serta sokongan sosial yang baik haruslah diberi perhatian dalam membantu wanita yang bekerjaya ini untuk mendapatkan prasarana yang selamat dan kondusif agar wanita dapat berperanan dengan baik dalam segenap aspek. Justeru itu, kajian sorotan literatur undang-undang pencegahan gangguan seksual terhadap wanita bekerjaya diperlukan bagi meneliti sejauh mana kajian-kajian yang melibatkan dengan pencegahan gangguan seksual ini telah dijalankan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis kandungan terhadap dokumen-dokumen bersifat primer dan sekunder terdiri dari jurnal-jurnal dan artikel-artikel. Dokumen-dokumen tersebut akan diteliti, dinilai bagi melengkap data kajian sebelum membuat rumusan dan dapatan bagi mengenalpasti sebarang kelompongan di antara hasil kajian tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Tinjauan literatur berkaitan dengan undang-undang gangguan seksual terhadap wanita yang bekerjaya amat penting dalam mengenal pasti sejauh manakah kajian-kajian yang telah dibuat dan bagi melihat sejauh manakah kajian-kajian ini boleh membantu dalam mencegah gangguan seksual ini dari terus berlaku khususnya kepada wanita di Malaysia.

Gangguan Seksual

Menurut Asbah et al. (2017) jenayah merangkumi sebarang tindakan keganasan yang mengakibatkan kecederaan fizikal, psikologi dan apa-apa perkara yang mendatangkan kecederaan dan kesakitan terhadap wanita yang dilakukan secara paksaan atau ugutan. Jenayah berlaku apabila seseorang individu itu gagal mematuhi pola sosial tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Ianya termasuklah gangguan seksual terutamanya yang berlaku di tempat kerja.

Menurut Shamsinar (2018) di Malaysia, maklumat berkenaan gangguan seksual adalah tidak secara menyeluruh, walaubagaimanapun masalah gangguan seksual wujud di Malaysia. Isu ini seringkali dibincangkan di dalam media sosial, media massa dan juga forum anjuran badan kerajaan dan bukan kerajaan. Dari segi pelaku dan mangsa gangguan seksual, mangsa yang paling ramai adalah dari pekerja wanita.

Fonny Dameaty (2012) menjelaskan undang-undang yang sedia ada tidak mentakrifkan secara khusus berkaitan dengan gangguan seksual. Hanya seksyen 4A dari Peraturan Pegawai Awam (Tata Kelakuan dan Disiplin) (1993) yang mempunyai peruntukan khusus mengenai gangguan seksual namun hanya terikat pemakaiannya terhadap kakitangan awam sahaja. Definisi mengenai gangguan seksual mengikut perspektif perundangan di Malaysia hanya bergantung kepada kriteria anggapan oleh penerima terhadap tingkah laku tertentu yang dianggap sebagai 'tidak terima', bersifat keterlaluan ataupun kasar. Terdapat jenis-jenis tingkah laku yang sudah dianggap sebagai perbuatan gangguan seksual seperti bercumbu, menyentuh payu dara dan anggota fizikal secara langsung.

Rozana (2021) di dalam kajiannya menyatakan bahawa definisi gangguan seksual berdasarkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM), gangguan seksual diiktiraf sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal:

- i. yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya; atau
- ii. yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Bersandarkan takrifan ini, KSM mengkategorikan gangguan seksual kepada dua jenis, iaitu:

- i. Gangguan seksual berbentuk ugutan iaitu perbuatan yang memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang seperti perbuatan mengugut pekerja bawahan untuk memberi layanan seksual kepadanya.
- ii. Gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi iaitu tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan.

Mohd Azrin et al. (2020) menyatakan bahawa di era digital ini telah membuka ruang yang lebih luas lagi kepada pemangsa untuk akses mencari mangsa. Media sosial malah turut berperanan sebagai salah satu agen penyebaran maklumat, gambar serta video yang berunsur pornografi.

Bentuk Gangguan Seksual

Aryani Ahmad Latiffi (2020) di dalam kajiannya menyatakan bahawa bentuk gangguan seksual boleh berlaku dari segi lisan, visual, fizikal dan psikologi. Pengkaji menggunakan metodologi kuantitatif yang melibatkan 40 orang responden. Didapati para responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap bentuk-bentuk gangguan seksual iaitu dari segi lisan, isyarat, visual, psikologi dan fizikal. Kesan gangguan seksual meliputi tiga iaitu prestasi kerja menurun (fizikal), trauma dan emosi (mental) dan tidak bersemangat (psikologi).

Faridah Awang et al. (2020) di dalam kajiannya menyatakan bahawa daripada 31,993 responden yang pernah mengalami gangguan seksual, 40% daripadanya menyatakan bahawa mereka telah mengalami gangguan seksual berbentuk lisan seperti menjeling, merenung, mengintai, penggunaan bahasa badan dan lain-lain perbuatan yang terasa mengganggu dan membuat seseorang merasa kurang selesa samada berunsur lucu, seksual dan menimbulkan rasa yang tidak menyenangkan serta mengganggu emosi. Ini kemudiannya diikuti dengan pengalaman gangguan seksual berbentuk fizikal seperti menyentuh, meraba, memegang atau memeluk iaitu seramai 37%. Manakala, seramai 23% menyatakan mereka pernah mengalami gangguan seksual berbentuk visual seperti melalui gambar, video, nota termasuk nyanyian lucu.

Mohd Azrin et al. (2020) menyatakan bahawa gangguan seksual boleh berlaku di mana-mana termasuk secara maya atau dalam talian (*online*). Gangguan seksual di media sosial biasanya berbentuk komen atau menerima mesej yang mengganggu pengguna. Pesanan atau mesej yang berunsur lucu atau tidak sopan sehingga mewujudkan rasa yang tidak selesa kepada pengguna. Gangguan seksual berbentuk maya ini adalah lebih berbahaya kerana perlakunya tidak dapat disangka dan kebanyakan identiti pemangsa tersebut sukar untuk diketahui oleh mangsa.

Berdasarkan kajian Norhayati Mat Ghani dan Suriati Ghazali (2021) alat atau teknologi komunikasi masa kini telah menjadikan media sosial sebagai pemudah cara atau penghubung kepada masyarakat untuk berkomunikasi terutamanya di tempat kerja. Aplikasi Facebook dan WhatsApp merupakan media sosial yang tertinggi bagi mangsa mengalami gangguan seksual secara maya. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tindakan memuji bentuk tubuh badan dan mengajak berbicara soal seks adalah merupakan antara bentuk gangguan seksual secara terang-terangan.

Kesan Gangguan Seksual

Siti Marziah et al. (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa gangguan seksual boleh menjadi suatu tragedi atau pengalaman hitam bagi seseorang mangsa. Kesan yang akan dialami oleh mangsa adalah tekanan, kemurungan, malah boleh membawa kepada cubaan membunuh diri jika bebanan emosi yang ditanggung itu tidak dapat lagi dikawal. Menurut Asbah et al. (2017) mangsa juga kemungkinan akan mengalami masalah kesihatan lain seperti resah, tekanan, cepat marah dan ketakutan. Sekaligus akan mengakibatkan prestasi wanita tersebut akan menurun. Akhirnya mereka akan dibuang kerja ataupun berhenti kerja kerana tidak mampu menangani masalah yang hadir di dalam dirinya.

Mohd Azrin et al. (2020) di dalam kajiannya menyatakan mangsa-mangsa yang diganggu melalui atas talian juga turut akan mengalami kesan yang negatif seperti menjadi muram, hilang keyakinan diri, sukar mempercayai orang lain, trauma dan termasuklah hilang motivasi diri. Tambahan lagi, di dalam kajian Faridah Awang et al. (2020) menyatakan bahawa gangguan seksual adalah merupakan satu penghinaan kepada mangsa dan menjatuhkan maruah mangsa. Fenomena ini sememangnya akan menghalang perkembangan budaya masyarakat penyayang dan masyarakat yang adil.

Tambah lagi di dalam kajian Fonny Dameaty (2012) menyatakan bahawa kesan-kesan psikologi dan emosi yang dialami oleh mangsa ini akan mempengaruhi produktiviti pekerja.

Budaya yang tidak sihat ini apabila dilakukan oleh penyelia, majikan atau ketua mangsa, akan menyebabkan pekerja tersebut tidak fokus pada kerjanya secara tidak langsung produktiviti pekerja akan merosot. Pekerja yang berdedikasi, rajin dan setia pada organisasi ini terpaksa menghadapi tekanan dan diskriminasi disebabkan oleh jenayah gangguan seksual ini. Menurut ahli akademik Prof Madya Tan Sri Shamsul Bahari Shamsudin melalui akhbar Barita Harian pada 3 November 2023, kejadian yang berlaku di tempat kerja, jika tidak dapat dikawal serta dibendung dengan baik pekerja akan membawa isu atau tekanan tersebut ke rumah dan sekaligus akan memberi impak terhadap anak-anak di rumah yang mendorong kepada masalah penderaan, penceraian dan kes buli. Hal ini akan menggugat peranan wanita sebagai seorang ibu dan isteri yang bertanggungjawab menjaga dan mengurus keluarga.

PERBINCANGAN

Undang-Undang Di Malaysia

Undang-undang berfungsi untuk mewujudkan keadilan dalam sebuah sistem kehidupan masyarakat termasuk menjaga hak-hak dan kewajipan. Oleh itu, undang-undang sangat penting diadakan untuk mengatur dan mengawal kehidupan masyarakat bagi membendung kezaliman. Adanya undang-undang juga, seseorang individu akan lebih berjaga-jaga dalam tindak-tanduknya agar tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain sekaligus kadar jenayah dapat dikurangkan.

Shamsinar (2018) menyatakan bahawa tiada undang-undang khas atau spesifik di Malaysia yang mengawal selia kesalahan gangguan seksual. Kepincangan undang-undang ini memerlukan tindakan drastik pihak kerajaan bagi mengekang penularan jenayah ini di dalam masyarakat. Penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada adalah amat perlu dan penggubalan undang-undang spesifik berkenaan jenayah gangguan seksual ini amatlah diharapkan seperti yang telah dilakukan oleh negara Filipina dan India.

Menurut kajian Siti Marziah et al. (2019) dari segi undang-undang di Malaysia, beberapa undang-undang berkaitan dengan gangguan seksual telah diwujudkan dan dikuatkuasakan. Antaranya adalah Akta Kerja 1955, Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja, Tort-Gangguan Seksual, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999 dan Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam. Kod Amalan tersebut digunakan sebagai garis panduan kepada para majikan bagi penubuhan mekanisme dalaman di peringkat syarikat dalam mencegah dan membasmi gangguan seksual khususnya di tempat kerja. Namun ianya tidak mengikat majikan secara mandatori untuk diamalkan oleh syarikat sektor swasta dan tidak memiliki kuatkuasa perundangan.

Sekali lagi di dalam kajian Faridah Awang et al. (2020) mendapati masyarakat masih tidak berpuas hati dengan penguatkuasaan undang-undang sedia ada. Seramai 62% orang daripada 28,852 responden menyatakan “undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengendalikan kes gangguan seksual”. Ini menunjukkan kebanyakan responden mahu prosedur terhadap undang-undang gangguan seksual sedia ada dilaksanakan lebih tegas misalnya, hukuman berat dikenakan terhadap pelaku. Hal ini disokong oleh Norazla (2022) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa walaupun terdapat banyak perundangan berkaitan

gangguan seksual di Malaysia namun undang-undang tersebut mempunyai kekangannya yang tersendiri.

Menurut Muhammad Ajrun et al. (2022) di Malaysia tiada perlindungan khusus terhadap para atlet sukan yang dikatakan masih di dalam perbincangan. Sukan juga merupakan salah satu bentuk kerjaya dan perlu diberikan perhatian agar sektor sukan ini dapat terus berkembang dengan lebih baik. Gangguan seksual di dalam sukan di Malaysia bukanlah isu baharu kerana sebelum ini telah berlaku kematian akibat tertekan dengan isu gangguan seksual oleh Ratu Trek Asia, Allahyarhamah Rabia Salam. Sehingga pada 15 Mac 2023 melalui akhbar Malaysia Gazette, Kementerian Belia Sukan (KBS) Hannah Yeoh memperkenalkan Kod Sukan Selamat yang merangkumi aspek keselamatan gangguan seksual, buli dan keganasan dalam urus tadbir badan sukan dan ekosistem sukan negara.

Norazla (2022) di dalam kajiannya menyatakan bahawa kelompongan perundangan sedia ada ini telah cuba ditambahbaik dengan pengubalan Akta Anti Gangguan Seksual 2021. Penubuhan tribunal bagi anti gangguan seksual ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada mangsa dan mewujudkan mekanisme pengaduan yang mudah supaya lebih ramai mangsa tampil mendapatkan pembelaan undang-undang selain turut memberi penekanan kepada aspek remedi perundangan dan penalti. Dari kajian ini juga penulis menyatakan bahawa penubuhan tribunal ini adalah sangat bertepatan sebagai mekanisme penyelesaian alternatif kes gangguan seksual di Malaysia. Walaubagaimanapun, oleh kerana Akta Anti Gangguan Seksual 2021 ini masih baharu, masih tidak ramai yang melakukan kajian secara terperinci ke atas akta tersebut.

Pencegahan Gangguan Seksual

Di dalam kajian Muhamat Hamzah (2013) menyatakan bahawa pendekatan yang berbentuk pencegahan perlu diberikan perhatian sebagai salah satu inisiatif awal dalam mencegah masalah gangguan seksual. Kombinasi antara pelaksanaan undang-undang dan langkah pencegahan awal berkemungkinan salah satu alternatif yang terbaik dalam menangani masalah jenayah. Pencegahan ini haruslah dilakukan dari peringkat awal usia lagi iaitu dengan memperkenalkan subjek pengajian gender di sekolah-sekolah. Selari dengan itu, memperbanyak program-program pembangunan masyarakat bagi membentuk nilai positif dan memperkasakan peranan media massa dengan pemaparan dokumentari, rencana serta wawancara. Nurul Farahain (2015) menyatakan bahawa pentingnya untuk seorang wanita yang bekerjaya itu berusaha untuk mengukuhkan pegangan akidah mereka serta mampu untuk mengamalkan syariat Islam yang sebenar bagi aspek batas-batas dan etika bekerja. Hakikatnya penting untuk wanita menjaga etika sebagai seorang muslim secara tidak langsung akan menjadi seorang pekerja yang penuh etika dan disiplin.

Siti Fatimah (2022) di dalam kajiannya menyatakan bukan mudah mangsa-mangsa gangguan seksual ini mendapatkan keadilan kerana agak sukar untuk mensabitkan pelaku dengan kesalahan tersebut. Maka usaha-usaha untuk menghindari gangguan seksual adalah lebih baik berbanding usaha-usaha untuk menangani kes ini setelah berlaku. Menurut sisi pandang Islam juga, Islam sentiasa mengambil pendekatan mencegah adalah lebih baik dari merawat. Oleh itu, kejadian gangguan seksual ini hendaklah dicegah dan dihindari. Salah satu cara untuk mencegah dan menghindarinya menurut Islam ialah dengan mengamalkan etika pergaulan antara lelaki dan perempuan. Etika pergaulan antara lelaki dan perempuan seperti yang dianjurkan Islam merangkumi empat perkata iaitu: (i) serius dalam pertemuan; (ii) menahan

pandangan; (iii) menghindari khalwat; (iv) menghindari pertemuan lama yang berulang-ulang. Kajian mendapati bahawa Islam memiliki etika pergaulan antara lelaki dan perempuannya yang tersendiri. Etika pergaulan ini, seandainya diamalkan oleh setiap diri, baik di tempat awam mahupun di tempat kerja, mampu untuk menghindari kejadian gangguan seksual. Majikan juga perlu memainkan peranan untuk menghindari gangguan seksual di tempat kerja. Jika tidak, majikan dianggap gagal menjalankan kewajipan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan harga diri seseorang pekerja dengan mudah dicabuli oleh pekerja lain.

KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, tidak ramai pengkaji yang mengkaji secara tuntas berkaitan dengan kaedah pencegahan gangguan seksual di tempat kerja. Menurut Abdul Rashid (2021) kini gangguan seksual merupakan masalah sejagat yang harus ditangani dengan serius oleh semua pihak sama ada diperingkat kerajaan persekutuan mahupun negeri, pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organization* atau NGO), syarikat-syarikat swasta dan seluruh lapisan masyarakat. Hal ini kerana, jika fenomena ini kian meruncing dan tidak dibendung di peringkat awal ianya akan memberi kesan yang negatif kepada negara amnya dan organisasi-organisasi kecil khususnya berikutan daripada masalah yang mangsa alami akibat daripada gangguan seksual tersebut sama ada secara mental atau fizikal. Kesimpulannya, kajian-kajian berkaitan dengan pencegahan gangguan seksual ini masih perlu dikembangkan dan diperhalusi lagi agar solusi dan langkah intervensi dapat dilakukan oleh pihak-pihak yang berautoriti.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nor Hamizah Ab Razak, Mohd Azrin Mohd Nasir, Mohamad Isa Amat & Mohd Zaliridzal Zakaria. 2021. Persepsi Pekerja Terhadap Sensitiviti Gangguan Seksual dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Devian. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 18, No. 5. 225.
- Asbah Binti Razali, Siti Nor Azhani Binti Mohd Tohar & Fauziah Binti Ani. 2017. Jenayah Menggugat Kelestarian Wanita. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017)*. 6-7.
- Malaysia. 2021. Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
- Kasthuri Jeevendran. (2023, Mac 15). KBS Lancar Kod Sukan Selamat. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2023/03/15/kbs-lancar-kod-sukan-selamat/>.
- Mahani Ishak. (2023, Ogos 3). KPWKM Tumpu 4 Aspek 60 Peratus Tenaga Kerja Wanita. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1146827/kpwkm-tumpu-4-aspek-sasar-60-peratus-tenaga-kerja-wanita>.
- Mohd Azrin Mohd Nasir & Nurul Fatimah Mohd Rosdi. 2020. Gangguan Seksual Di Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Perempuan: Satu Tinjauan. *Malaysian Journal of Youth Studies*. Vol.23. 6-11.
- Muhamat Hamzah Bin Eksan. *Gangguan Seksual Tempat Kerja: Pendekatan Akta Kerja 1955*. 2014. [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

- Muhammad Ajrun Dzakirin Hakimi, Muhammad Arif md Disa & Shahrul Mizan Ismail. 2022. Gangguan Seksual di Dalam Sukan Di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrived https://www.researchgate.net/publication/366165231_GANGGUAN_DAN_SERANGAN_SEKSUAL_DI_DALAM_SUKAN_DI_MALAYSIA. 6-8.
- Norzla Abdul Wahab. (2022). Tribunal Bagi Antigangguan Seksual: Mekanisme Penyelesaian Alternatif Kes Gangguan Seksual di Malaysia. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022)*. 7-12.
- Norhayati Mat Ghani & Suriati Ghazali. 2021. Impak Media Sosial Terhadap Gangguan Seksual Atas Talian Dalam Kalangan Wanita Muda. *Malaysian Journal of Society and Space*. Vol.17, Issue 3. 125-134.
- Nor Asmah Binti Zakaria. 2020. Realiti Dan Cabaran Wanita Bekerjaya. Kertas Perspektif. Kuala Lumpur: Terbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). 5-10.
- Nurul Farahain Binti Ismail. 2015. Tahap Kefahaman dan Pengalaman Terhadap Batas-Batas Syarak Dalam kalangan Wanita Bekerjaya di Kota Bharu Kelantan. [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Embargo Ucapan Menteri Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). 2023. Strategic Communication and International Division Department of Statistic Malaysia. 1-2.
- Faida Rahim. (2023, November 3). Persekitaran Tempat Kerja Antara Penyumbang Tekanan Mental- Pakar. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persekitaran-tempat-kerja-antara-penyumbang-tekanan-mental-pakar-444473>.
- Faridah Awang, Raja Kamariah Raja Mohd Khalid & Azyyati Mat Zam. 2020. Pemahaman Dan Pengalaman Gangguan Seksual Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society*. Vol. 16. 9-10.
- Fonny Dameaty Hutagalung. 2012. Hubungan Pengalaman dan Persepsi Gangguan Seksual Dengan Motivasi, Kepuasan Kerja dan Tekanan Kerja dalam Kalangan Pekerja Wanita Institusi Pengajian Tinggi Awam di Lembah Klang. [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hajah Siti Fatimah. (2000, Januari). Ibu Tunggal: Semua Pihak Perlu Lebih Bertanggungjawab. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Putrajaya. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2000/01/01/ibu-tunggal-semua-pihak-perlu-lebih-bertanggungjawab/>.
- Hazwan Faisal Mohamad. (2023, Jun). Jumlah Tenaga Kerja Wanita Malaysia Antara Terendah di Asean. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/06/1117964/jumlah-tenaga-kerja-wanita-malaysia-antara-terendah-di-asean>.
- Rozana Abdullah. 2021. Gangguan Seksual: Peranan Parlimen dalam Penggubalan Undang-undang dan Polisi yang Releven. *Journal of The Malaysian Parliament*. Vol. 1. 204-205.
- Shamsinar Rahman & Suria Fadhillah Md Pauzi. 2018. Gangguan Seksual di Tempat Kerja: Tinjauan Undang-Undang. *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (KONAKA 2018)*. Vol. 22. 125-128.
- Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Social and Humanities*. Vol.12, No. 3, 4-12.

- Siti Fatimah Abdul Rahman. 2022. Garis Panduan Islam Dalam Menghindari Gangguan Seksual Di Tempat Kerja. *Jurnal Dunia Pengurusan*. Vol.4, No.1. 55-58.
- Siti Marziah Zakaria, Nor Ba' Yah Abdul Kadir & Nor Hazila Mat Lazim. (2019). Gangguan Seksual: Tragedi yang Tidak Didedahkan dan Kesan Kepada Mangsa. *Journal of Management & Muamalah*. Vol. 9, No. 1. 14-
- Women's Aid organisation. (2020, November). Pengalaman dan Persepsi Wanita Terhadap Gangguan Seksual Menandakan Keperluan Yang Mendesak Untuk Penggubalan Akta Gangguan Seksual.
<https://wao.org.my/pengalaman-dan-persepsi-wanita-terhadap-gangguan-seksual-mendakan-keperluan-yang-mendesak-untuk-penggubalan-akta-gangguan-seksual/>.